



# Gencatan Politik dan Perdamaian Nasional

MALAYSIA bakal menutup tirai tahun 2020 dengan nota hiba, tahun yang penuh dengan ujian getir dan mencabar. Sejak awal tahun, kita bergelut dengan wabak penyakit yang membataskan pergerakan dan menyulitkan semua perkara. Pandemik COVID-19 menyebabkan kesan buruk terhadap ekonomi negara - rakyat hilang pekerjaan dan punca pendapatan yang mengakibatkan kehidupan menjadi sukar.

Sehingga November 2020, wabak ini telah menjangkiti lebih 45 juta orang mangsa di seluruh dunia dengan kes kematian menjangkau 1.2 juta orang. Bilangan mangsa jangkitan dan kehilangan nyawa menyaksikan pertambahan pada setiap hari dan belum ada sebarang petunjuk bahawa wabak ini akan berkurangan dalam tempoh terdekat. Malaysia yang sedang bergelut dengan jangkitan gelombang ketiga juga turut mencatatkan lebih daripada 30 ribu kes jangkitan dengan 250 kematian.

Tidak cukup dengan permasalahan kesihatan awam dan ekonomi, tahun 2020 juga menyaksikan negara terjerumus dalam kemelut politik yang seperti tidak berkesudahan. Sejak Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 pada tahun 2018, iklim politik Malaysia sentiasa hangat dengan pelbagai polemik. Keadaan bertambah panas sejak Februari lalu yang menyaksikan sekali lagi berlaku perubahan kerajaan persekutuan diikuti oleh lima buah kerajaan negeri.

Kemelut politik bermula apabila krisis dalaman Pakatan Harapan (PH) berkaitan dengan isu peralihan kuasa Perdana Menteri (PM) daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Lanjutan mesyuarat Majlis Presiden PH yang tegang pada 21 Februari lalu, telah mencetuskan Langkah Sheraton dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan 11 orang ahli parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) keluar daripada PH untuk membentuk kerajaan baharu iaitu Perikatan Nasional (PN) bersama-sama dengan Barisan Nasional (BN), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan beberapa parti kecil yang lain. Kerajaan PH yang terbentuk selepas PRU ke-14 pada 9 Mei 2018 jatuh secara rasmi apabila Tun Mahathir meletakkan jawatan pada 24 Februari 2020. Kemudian, kerajaan baharu dibentuk dengan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah berkenan melantik Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai PM pada 1 Mac 2020. Enam bulan berlalu, sekali lagi iklim politik negara memuncak apabila pada 23 September lalu, Anwar mengumumkan mempunyai sokongan majoriti untuk menukar kerajaan. Kemelut ini bermula apabila ada dalam kalangan ahli parlimen UMNO dikatakan memberikan sokongan kepada Anwar rentetan daripada tidak berpuas hati dengan layanan kerajaan PN terhadap UMNO. Wakil rakyat UMNO sendiri khususnya Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, mengusulkan supaya undi tidak percaya kepada PM diperbahaskan di Dewan Rakyat. Perkembangan ini sekali lagi meletakkan kerajaan dalam situasi tidak menentu apabila keabsahan kerajaan semasa menjadi pertikaian – sama ada masih mempunyai majoriti mencukupi atau tidak untuk meneruskan fungsi sebagai kerajaan yang memerintah.

Walaupun sudah dua kali kerajaan berubah dalam tempoh dua tahun, kemelut politik tidak juga berakhir. Pelbagai gerak politik diatur oleh pelbagai individu dan parti yang menyebabkan politik negara terus berada dalam ketidaktentuan. Pada ketika negara berhadapan pandemik COVID-19, pemimpin politik dilihat masih mencatur agenda parti masing-masing. Banyak penganalisis merumuskan bahawa keadaan ini telah mengganggu usaha kerajaan untuk mengatur strategi melawan COVID-19 yang sememangnya memerlukan penelitian dan fokus daripada semua pihak, khususnya pembuat dasar. Jika keadaan berlarutan, bukan sahaja akan merugikan negara, malah nyawa rakyat juga terpaksa dipertaruhkan.

Dalam hal ini, negara seharusnya belajar daripada New Zealand tentang bagaimana mereka menyeimbangkan antara situasi politik dengan keperluan memerangi pandemik COVID-19. Negara tersebut menjadi antara negara paling berjaya menangani pandemik COVID-19 apabila hanya 25 orang

daripada lima juta orang penduduknya maut akibat pandemik ini. Selepas mengesan kes pertama pada 28 Februari lalu, Perdana Menteri, Jacinda Ardern, benar-benar fokus untuk menggerakkan usaha agresif menangani jangkitan COVID-19 melalui ujian saringan secara besar-besaran, penguatkuasaan proses kuarantin yang berkesan, mengetatkan sekatan sempadan, dan pelaksanaan perintah berkurung. Pada masa yang sama, semua parti politik sama ada dari blok kerajaan atau pembangkang, serta pelbagai organisasi tampil menyokong penuh inisiatif yang diambil oleh Ardern tanpa mempolitikkan sebarang isu termasuk berlapang dada dengan menerima penangguhan pilihan raya yang sepatutnya dijadualkan pada 19 September 2020 kepada 17 Oktober 2020. Malah negara tersebut telah membuktikan kepada dunia tentang kejayaan mereka melaksanakan pilihan raya tanpa mengakibatkan sebarang gelombang baharu atau peningkatan kes COVID-19. Hasilnya, bukan sahaja pilihan raya dapat dilaksanakan, Ardern turut meraih kemenangan besar.

Jika digabungkan polisi politik yang baik dan keberkesanan pentadbiran yang berkesan, kita juga sebenarnya mampu melawan COVID-19 seperti yang dibuktikan oleh New Zealand. Hal ini dikatakan demikian kerana Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, dinobatkan sebagai antara tiga orang doktor yang terbaik mengendalikan jangkitan pandemik COVID-19. Beliau sebaris dengan Ashley Bloomfield, iaitu Ketua Pengarah Kesihatan New Zealand yang bekerja secara rapat dengan kerajaan pimpinan Ardern. Ternyata, keadaan di Malaysia berbeza daripada apa-apa yang diraih oleh New Zealand. Oleh itu, untuk menamatkan konflik perebutan kerajaan, banyak pihak tampil dengan cadangan agar Malaysia melaksanakan gencatan politik melalui agenda perdamaian nasional. Agenda ini

mbolehkan semua parti politik mengurangkan “perang” untuk merampas kerajaan, sebaliknya bersatu padu memfokuskan keperluan rakyat dan negara. Agenda perdamaian nasional ini selari dengan titah YDPA pada 25 Oktober lalu yang mendesak semua parti politik menamatkan segera gimik politik yang boleh mengganggu pemerintahan negara. YDPA juga menyeru agar seluruh rakyat tanpa mengira fahaman politik untuk bersatu padu dengan mengetepikan perbezaan dan perbalahan. Baginda turut mengulangi titahnya supaya semua pihak bekerjasama untuk membendung pandemik COVID-19 demi keselamatan dan kesejahteraan negara.

Dalam titah yang membawa maksud menolak pengisytiharan darurat yang dikeluarkan oleh Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana, baginda menyeru seluruh rakyat “... tanpa mengira latar belakang dan khususnya fahaman politik, mengetepikan segala perbezaan dan perbalahan untuk bersatu padu dan bersatu hati memainkan peranan masing-masing dalam membantu kerajaan dan pihak berkuasa membendung wabak COVID-19 demi keselamatan diri dan kesejahteraan negara yang kita cintai bersama-sama ini.”

Raja-Raja Melayu turut bertitah dengan memberikan peringatan yang sama melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada 25 Oktober 2020, Raja-Raja Melayu turut menekankan peri pentingnya mekanisme semak dan imbang antara pelbagai cabang kerajaan dengan peranan YDPA demi menjamin berlakunya keadilan dan membatasi sebarang unsur penyalahgunaan kuasa. Raja-Raja Melayu juga bertitah supaya budaya pemerintahan negara mengutamakan rakyat jelata, iaitu pemegang taruh terbesar dalam negara.

YDPA sifatnya sebagai payung negara, manakala Raja-Raja Melayu merupakan tiang seri negara. Oleh

YDPA sifatnya sebagai payung negara, manakala Raja-Raja Melayu merupakan tiang seri negara. Oleh itu, titah YDPA merupakan nasihat paling berhikmah dan bijaksana, serta petunjuk terbaik untuk kepentingan rakyat dan negara.

itu, titah YDPA merupakan nasihat paling berhikmah dan bijaksana, serta petunjuk terbaik untuk kepentingan rakyat dan negara. Rakyat Malaysia mempunyai sejarah yang panjang dalam perihal menghormati raja sebagai ketua negara dan ketua negeri, bahkan kesetiaan kepada raja dijadikan sebagai tonggak dalam Rukun Negara. Oleh itu, saranan YDPA supaya semua parti politik bersatu padu diharapkan dapat diterjemahkan kepada suatu tindakan yang praktikal. Kunci utama dalam menjayakan perdamaian nasional adalah dengan memastikan semua pemimpin dan parti politik perlu memiliki jiwa yang besar untuk mengetepikan kepentingan peribadi dan parti masing-masing dengan meletakkan kepentingan rakyat dan negara sebagai keutamaan yang tertinggi.

Dalam tempoh yang sukar ini, ahli politik perlu berkorban, menangkahkan agenda dan percaturan peribadi, saling bekerjasama untuk menyelamatkan negara dengan memberikan fokus untuk menangani pandemik COVID-19 dan mencari formula terbaik untuk memulihkan ekonomi negara. Dalam maklum balas segera, Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, mengajak semua kepimpinan parti merapatkan saf pada semua peringkat dan seterusnya memberikan tumpuan

untuk bersama-sama menangani penularan pandemik COVID-19 demi kesejahteraan rakyat. Hal yang demikian juga dalam reaksi awal Anwar selaku Presiden PKR yang menegaskan bahawa beliau turut mengambil maklum dan menghayati akan nasihat YDPA yang bertitah agar pimpinan politik termasuk ahli parlimen untuk tidak berlebihan dalam berpolitik. Tokoh politik termasuk ahli parlimen juga harus prihatin dan menggalas tanggungjawab yang sesuai dengan semangat perlembagaan dan kebertanggungjawaban kepada rakyat, institusi Parlimen dan negara agar dapat diimbangi pelbagai tuntutan terkait keadilan, menolak rasuah dan membatasi sebarang unsur penyalahgunaan kuasa. Titah YDPA tersebut juga disambut baik oleh parti politik lain seperti Parti Amanah Negara (AMANAH), PAS, Parti Tindakan Demokratik (DAP), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Persatuan Cina Malaysia (MCA), Parti Warisan Sabah (WARISAN) dan lain-lain yang turut menjunjung kasih kepada keputusan YDPA untuk tidak mengisytiharkan darurat, serta akur agar menghentikan polemik politik seterusnya fokus untuk memberikan khidmat terbaik kepada rakyat. Selain parti politik, titah YDPA turut dijunjung oleh pelbagai badan

bukan kerajaan, seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM). Semua pihak juga perlu mengelakkan situasi yang akan memaksa PRU diadakan dalam tempoh negara masih belum mampu membendung COVID-19 kerana apa-apa yang berlaku di Sabah seharusnya menjadi pengajaran yang terbesar kepada negara apabila perebutan kuasa yang berterusan sejak Mei 2018 antara Datuk Seri Shafie Apdal dan Tan Sri Musa Aman akhirnya memaksa Pilihan Raya Negeri (PRN) diadakan. Kesannya, PRN Sabah pada 26 September lalu telah mencetuskan gelombang ketiga pandemik COVID-19 di Malaysia.

Lebih dibimbangkan, Sarawak juga bakal berhadapan dengan PRN apabila Dewan Undangan Negeri (DUN) mencapai tempoh matang pada Jun 2021. Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg, menjelaskan bahawa Sarawak akan tetap mengadakan PRN ke-12 meskipun sedar negara kini berhadapan dengan pandemik COVID-19. Banyak pihak mencadangkan agar Abang Johari tidak perlu mencadangkan pembubaran DUN dalam tempoh yang terdekat, sebaliknya menunggu hingga DUN matang pada Jun 2021 untuk membolehkan PRN diadakan selewat-lewatnya pada Ogos 2021. Walau bagaimanapun, sekiranya PRN terpaksa juga diadakan, saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu diambil perhatian yang serius, iaitu dengan menguatkuasakan larangan rentas sempadan atau pulang ke kampung; tidak boleh berkempen dari rumah ke rumah; dan tidak boleh mengadakan perhimpunan beramai-ramai. Persoalannya, sejauh manakah parti dan pemimpin politik akan mematuhi syarat dan peraturan tersebut?

Dalam hal ini, sudah pasti langkah terbaik adalah dengan memulakan inisiatif agenda perdamaian nasional. Pembuktian ini boleh diterjemahkan

dengan semua pemimpin perlu menyokong Belanjawan 2021. Langkah awal perdamaian tersebut terserlah apabila kerajaan turut mengadakan perbincangan dengan parti dan pemimpin politik sebagai mengambil pandangan yang konstruktif untuk dimasukkan sebagai dasar perbelanjaan negara untuk tahun hadapan. Selain itu, ada juga saranan agar budaya berpolitik di negara ini hanya diadakan pada musim pilihan raya dan bukannya sepanjang masa. Budaya sebegini banyak diamalkan oleh negara luar, contohnya Indonesia. Dalam Pemilihan Umum (Pemilu) 2019 yang lalu, berlaku pertembungan sengit dalam Pilihan Raya Presiden (Pilpres) antara Joko Widodo daripada Partai Demokrasi Indonesia-Perjuangan (PDI-P) dengan Prabowo Subianto daripada Partai Gerindra. Pertarungan sengit itu akhirnya dimenangi oleh Jokowi dengan mengekalkan penguasaan beliau sebagai Presiden Indonesia untuk penggal kedua.

Walaupun mengharungi tempoh kempen yang sengit dan panas, pascapemilihan presiden menyaksikan parti politik di Indonesia bersatu semula untuk bersama-sama membangunkan Indonesia. Lebih menarik, calon presiden yang kalah, iaitu Prabowo turut dilantik sebagai menteri dalam Kabinet Indonesia dengan memegang portfolio Menteri Pertahanan. Inilah contoh politik matang yang dibudayakan oleh Indonesia, yang sepatutnya dicontohi oleh kita walaupun mereka menggunaapakai sistem presiden yang sedikit berbeza daripada di Malaysia.

Negara maju yang lain, seperti Amerika Syarikat, Britain dan Jepun juga mengamalkan budaya yang sama, iaitu hanya berpolitik pada musim pilihan raya. Mereka tidak mengheret rakyat untuk berpolitik di luar musim pilihan raya, sekali gus membolehkan segenap lapisan rakyat fokus terhadap peranan masing-masing untuk memakmurkan negara. Dalam konteks Malaysia, inisiatif perdamaian nasional ini perlu digerakkan melalui institusi Parlimen, iaitu entiti terpenting dalam

tinggag pentadbiran negara. Oleh itu, sebuah jawatan kuasa Parlimen tentang perdamaian nasional perlu dibentuk dengan dianggotai oleh ketua parti daripada kedua-dua blok kerajaan dan pembangkang. Dalam keadaan politik yang tidak stabil seperti sekarang, peranan Parlimen perlu lebih diperkasakan khususnya sebagai badan yang menyatukan kesemua 222 orang wakil rakyat daripada pelbagai parti politik untuk bergerak sederap selangkah dalam usaha memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat.

Perdamaian nasional ini juga diharapkan dapat merintis inisiatif untuk menubuhkan kerajaan perpaduan di Malaysia sekurang-kurangnya sehingga PRU-15 diadakan, iaitu ketika pandemik COVID-19 dapat dikawal sepenuhnya. Dicadangkan juga, model kerajaan perpaduan adalah dengan membentuk kabinet yang dianggotai oleh semua wakil parti utama kedua-dua blok kerajaan dan pembangkang dengan kata lain tiada lagi pembangkang dalam pemerintahan kerajaan perpaduan. Selain wakil parti politik, kerajaan perpaduan juga boleh dibentuk dengan melibatkan tokoh berpengaruh dalam masyarakat untuk mengisi kabinet, sama ada figura daripada NGO, ahli akademik dan teknokrat. Walau bagaimanapun, cadangan penubuhan kerajaan perpaduan bukanlah semudah yang dicadangkan lebih-lebih lagi untuk mendapatkan persetujuan semua parti politik.

Kunci kejayaan agenda perdamaian nasional adalah dengan menghormati keberadaan pihak lawan – kerajaan perlu menghormati kewujudan pembangkang, manakala pembangkang juga perlu mengiktiraf kedudukan kerajaan. Untuk Malaysia meneruskan kelangsungan dalam situasi sekarang, kita tiada pilihan lain kecuali bersatu padu melawan pandemik COVID-19 dan membangunkan semula negara. ▢

Penulis ialah Pensyarah Komunikasi Politik, Universiti Malaysia Terengganu.